

12 FEB 1999

G15-Perpaduan

SIDANG KEMUNCAK G15 JAMAICA CATAT TITIK PERUBAHAN PENTING

Oleh: Kuah Guan Oo

MONTEGO BAY, Jamaica, 12 Feb (Bernama) -- Sidang kemuncak kumpulan negara-negara membangun G-15 yang sedang berlangsung di sini mencatatkan satu titik perubahan yang penting kepada pertubuhan berusia sembilan tahun itu kerana anggota-anggotanya menunjukkan tahap perpaduan yang lebih tinggi dalam menghadapi krisis kewangan dunia, kata Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini pada petang Khamis.

Sebelum sidang kemuncak Jamaica, beliau berkata perkumpulan itu tidak berdepan dengan sebarang krisis dan 17 negara anggota itu lebih memberi tumpuan kepada cara-cara untuk mempertingkatkan kerjasama Selatan-Selatan bagi pembangunan bersama.

Tetapi kini krisis kewangan telah menjejaskan sesetengah anggota dan mungkin menyerang yang lain, perkumpulan lebih bersatu dan lebih sedar akan perlunya kerjasama untuk melindungi diri masing-masing, katanya kepada media Malaysia selepas kembali daripada perentian, mengadakan perjumpaan tidak formal dengan pemimpin-pemimpin lain untuk perbincangan lanjut.

Sidang kemuncak G-15 itu, terdiri daripada Argentina, Brazil, Chile, Mexico, Peru, Venezuela, Jamaica, Algeria, Mesir, Kenya, Nigeria, Senegal, Zimbabwe, India, Indonesia, Malaysia dan Sri Lanka, bermula di sini pada Rabu dan akan berakhir pada Jumaat.

Perdana Menteri Jamaica P.J. Patterson dalam ucapan perasmiannya pada sidang kemuncak itu pada Rabu berkata beliau mahu sidang kemuncak Jamaica diingati sebagai "satu daripada saat bermakna dalam perjuangan kita yang berterusan untuk mengatasi sejarah kawalan dan pergantungan luaran".

"Biar muncul 'persetujuan Jamaica' yang akan bertindak sebagai titik permulaan yang efektif," katanya.

Dr Mahathir, yang menyatakan bahawa beliau secara peribadi berpuas hati dengan hasil sidang kemuncak itu berkata para anggotanya telah menunjukkan minat yang lebih mendalam dan pendirian yang lebih kukuh terhadap isu-isu di depan mereka, manakala lebih banyak ketua negara hadir pada mesyuarat ini.

Venezuela sebagai contohnya, kata beliau, diwakili oleh Presidennya Hugo Chavez Frias, di sini sementara negara itu hanya diwakili oleh dutanya pada mesyuarat sebelumnya. Frias mengangkat sumpah jawatan 19 hari lepas.

"Mereka juga telah menunjukkan minat yang lebih mendalam untuk saling bekerjasama," katanya, merujuk kepada langkah Mexico yang mencadangkan pada mesyuarat kali ini agar perkumpulan itu memperkukuhkan identiti pertubuhan ini supaya lebih dikenali di dunia.

Selain daripada mesyuarat yang lebih kerap antara ketua-ketua kerajaan, cadangan juga dikemukakan dengan menggesa anggota pertubuhan itu untuk mengadakan perjumpaan bagi merumuskan pendirian yang sama sebelum sebarang mesyuarat antarabangsa mengenai isu-isu global.

"Mereka kelihatan mempunyai pendirian yang lebih tegas mengenai krisis kewangan antarabangsa dan mereka menyokong penuh cadangan kita bahawa G-15 perlu memainkan peranan dalam membina rekabentuk kewangan yang baru," kata Dr Mahathir.

Semasa Malaysia membangkitkan isu sistem baru kewangan global pada sidang kemuncak itu di Kuala Lumpur November 1997 dan pada sidang khas di Kaherah Mei tahun lepas, cadangan itu tidak diperakui sepenuhnya oleh kesemua negara anggota seperti di sidang kemuncak Jamaica.

Beliau berkata para pemimpin juga merasakan bahawa negara-negara membangun harus diberi peluang memutuskan mengenai rekabentuk kewangan yang

baru itu.

"Saya dapati keadaan berbeza sekarang. Sebelum ini mereka tidak begitu berminat,"katanya.

Dr Mahathir berkata anggota-anggota G-15 kini berpendapat bahawa memandangkan terdapat kawalan dalam perdagangan dan sebagainya, harus juga ada kawalan dalam sistem kewangan.

Tumpuan pada sidang kemuncak Jamaica, katanya ialah mengenai masalah kewangan global dan mereka memberi perhatian serius kepada pengalaman dan pendirian Malaysia mengenai persoalan modal spekulatif jangka pendek dan keperluan mengkaji semula dan mengawal struktur kewangan dunia.

"Boleh dikatakan bahawa sidang kemuncak Jamaica ini mencatatkan satu titik perubahan dalam sejarah perkumpulan ini," katanya.

Dr Mahathir berkata anggota-anggota G-15 berpendapat bahawa dalam menyusun satu rekabentuk kewangan yang baru, mereka mahukan kedudukan mereka turut diambilkira pada tahap yang sama dengan negara-negara maju.

"Mereka mahu pendapat mereka didengari oleh semua pihak berkenaan dan mereka tidak bersetuju bahawa rekabentuk kewangan yang baru itu digariskan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia," katanya.

Beliau berkata Malaysia diberikan peluang memulakan sidang pleno pada sidang kemuncak itu pada Rabu untuk membentangkan pendapatnya mengenai krisis kewangan dan memberi penjelasan mengenai apa yang telah dilakukannya untuk mengatasi krisis itu.

Dr Mahathir juga berkata anggota-anggota G-15 kini sedar mengenai kesan krisis ekonomi yang mungkin melanda mereka dan mereka menyatakan kecenderungan untuk mengatasi masalah itu.

"Mereka juga mahu menjadikan G-15 lebih dikenali di dunia dan mereka mahu berusaha bagi memastikan suara perkumpulan ini didengari oleh G-8 (perkumpulan negara-negara maju)," katanya.

Mengenai ucapannya pada majlis pembukaan yang telah disambut baik, Dr Mahathir berkata para pemimpin itu berkata mereka berkongsi pendapat dengan beliau dan mereka tidak dapat menyatakan pendirian mereka setegas mungkin dan dalam bahasa yang mudah difahami.

"Adalah dilihat pendirian kita diterima baik oleh para pemimpin itu dan mereka berkata mereka tidak berupaya mengambil pendirian yang begitu tegas dan kerana itu, mereka lebih selesa dengan pendekatan yang lebih lembut," katanya.

Mengenai persoalan sama ada beliau terlalu mengambil pendekatan konfrontasi, Dr Mahathir berkata walaupun beliau mungkin dilihat sedikit agresif dalam ucapannya, Malaysia turut terlibat dalam menggubal pernyataan bersama yang mungkin tidak begitu tegas dan Malaysia akan mematuhiinya.

Pernyataan bersama itu yang akan dikeluarkan pada Jumaat, mencatatkan kebimbangan, pendirian dan kepentingan perkumpulan itu mengenai isu yang melibatkan mereka.

Beliau berkata para pemimpin itu juga bersetuju bahawa mereka harus membolehkan timbalan perdana menteri menghadiri perentian mereka dalam sidang kemuncak yang akan datang. Buat masa ini hanya ketua kerajaan/negara dan naib presiden boleh menghadiri perentian itu.

Mereka juga mahukan lebih banyak ketua kerajaan/negara menghadiri sidang kemuncak itu dan untuk ini, mereka mungkin memendekkan sidang itu kepada 24 jam supaya lebih banyak pemimpin boleh hadir.

Mereka juga merasakan bahawa tidak cukup perwakilan dari Asia dalam perkumpulan itu dan mereka mungkin menimbangkan anggota baru dari Asia pada mesyuarat akan datang. Perdana Menteri dijadual berlepas dari sini ke Paris untuk satu pertemuan dengan Presiden Perancis Jacques Chirac sebelum singgah di Jordan untuk satu pertemuan singkat dengan Raja baru Abdullah.

-- BERNAMA
KGO RHM RON

